

# NOTIS SEBUT HARGA



## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN (TDA)

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan bagi menyertai sebut harga tersebut :

NOMBOR SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TEPOH PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA	HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
TDA/SH/BKP/2021/04	Membekal, Menghantar, Memasang dan Menguji Peralatan Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi Untuk Bahagian Khidmat Pengurusan, Teluk Gading, Kuala Rompin dan Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan, Kg Tekek, Pulau Tioman, Pahang.	210101, 210102, 210103, 210201, 210202, 210203	TARIKH  5 JULAI 2021 (ISNIN) HINGGA 19 JULAI 2021 (ISNIN)	RM 10.00	29 JULAI 2021 (KHAMIS)  SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI

1. Segala maklumat dan dokumen sebutharga boleh didapati dengan mengemukakan **Sijil Pendaftaran ASAL SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM), SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera** sahaja ke <https://forms.gle/VSTLaYc7T9kfB6uk9> Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan dan dijual seperti dinyatakan.
2. Dokumen Sebutharga hanya akan diemailkan kepada syarikat setelah pegawai kami membuat pengesahan penerimaan **SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM), SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera dan bukti Pembayaran** yang dikemukakan sahaja. Syarikat juga perlu menyatakan **Nombor Sebutharga** yang dipilih serta **alamat email syarikat yang aktif** untuk pegawai pejabat ini menghantar dokumen sebutharga.
3. Syarikat yang ingin memasuki sebutharga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan **Wang Pos / Wang Kiriman / Secara Atas Talian (MBB/556039056851) berharga mengikut harga dokumen sebutharga seperti dinyatakan yang dibuat atas nama Lembaga Pembangunan Tioman sebagai bayaran dokumen sebutharga**. Sila buat serahan Wang Pos / Wang Kiriman / Slip Bayaran semasa penghantaran dokumen sebutharga.

4. Untuk makluman, dokumen sebutharga perlu dicetak oleh kontraktor. **Taklimat tidak akan dilaksanakan** bagi mengelakkan penularan Wabak Covid 19.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam **Sampul Surat Berlakri** dan bertanda dengan jelas di penjuru atas sebelah kiri "**Nombor Sebut Harga**" dan "**Tajuk Sebut Harga**" tanpa apa-apa pengenalan di luarnya. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah ditetapkan mengikut jadual di atas **tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari** di alamat berikut:

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**  
**No. 1 , Jalan Besar Tanjung Gemok 1, Telok Gading, 26820 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur**

6. Pihak **TDA** tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mengemukakan sebab-sebab tawaran tersebut ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan Sebut Harga ini.

Sekian dimaklumkan.

**"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR ZAIHAN BINTI OTHMAN)**  
Pengurus Khidmat Pengurusan  
b.p.Pengurus Besar  
Lembaga Pembangunan Tioman  
Tarikh: 2 Julai 2021